

THE UNIVERSITY OF CHICAGO  
DEPARTMENT OF CHEMISTRY  
5708 SOUTH CAMPUS DRIVE  
CHICAGO, ILLINOIS 60637

PHYSICAL CHEMISTRY  
PHYSICAL CHEMISTRY

PHYSICAL CHEMISTRY  
PHYSICAL CHEMISTRY  
PHYSICAL CHEMISTRY  
PHYSICAL CHEMISTRY



L.P 47 FPE 2 2008



1100089013  
Kesan pertumbuhan ekonomi terhadap kualiti alam sekitar di  
Malaysia / Normauliana Kamar.

**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH**  
**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

**1100089013**


Lihat Sebelah

KESAN PERTUMBUHAN EKONOMI  
TERHADAP KUALITI ALAM  
SEKITAR DI MALAYSIA

NORMAULIANA BINTI KAMAR  
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)

LAPORAN PROJEK INI MERUPAKAN SEBAHAGIAN  
DARIPADA KEPERLUAN UNTUK MENDAPATKAN  
IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI  
(SUMBER ALAM)

JABATAN EKONOMI  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
(UMT)  
2008

## PENAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN4998/EKN4999) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.


Tarikh : 26 April 2008

  
Normauliana binti Kamar  
UK 11699

## DECLARATION

I hereby declare that this project paper (EKN4998/EKN4999) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

Date : 26 April 2008

  
Normauliana binti Kamar  
UK 11699

## PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dan rahmatNya saya telah berjaya untuk menyempurnakan kajian saya yang bertajuk kesan pertumbuhan ekonomi terhadap kualiti alam sekitar di Malaysia. Tempoh untuk menjalankan kajian saya ini lebih kurang dalam 10 bulan iaitu bermula pada bulan Julai 2007 hingga April 2008. Setinggi-tinggi penghargaan saya berikan kepada penyelia kertas projek EKN 4998 dan EKN 4999 saya iaitu Prof. Madya Dr. Fauziah binti Abu Hassan. Beliau telah banyak membantu dan banyak memberi tunjuk ajar kepada saya semasa dalam tempoh untuk melengkapkan kertas projek ini.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada En. Nathakumar a/l Loganathan selaku pensyarah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang telah membantu saya dalam melengkapkan data yang diperlukan untuk kajian ini dan Pn. Normah binti Muhammad selaku setiausaha Prof. Madya Dr. Fauziah binti Abu Hassan yang sedikit sebanyak ada membantu memudahkan perjumpaan saya dengan penyelia kertas projek. Tidak lupa juga kepada En. Najit bin Sukemi selaku penyelas kertas projek fakulti ekonomi dan juga kepada semua para pensyarah yang secara langsung atau tidak langsung memberi tunjuk ajar, nasihat serta penerangan yang jelas sebelum membuat kajian kertas projek ini.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penolong pegawai bahagian udara di Jabatan Alam Sekitar iaitu Pn. Siti Noor Shazila bt Zaki kerana sudi membantu saya untuk mendapatkan data kualiti alam sekitar di Malaysia. Kerjasama dan kesudian beliau dalam memberi serba sedikit maklumat yang ada di Jabatan Alam Sekitar adalah penting dalam menjalankan kajian saya ini malah beliau juga tidak putus-putus membantu dan beri keterangan kepada saya berkait dengan pencemaran alam sekitar di Malaysia. Tidak lupa juga kepada En. Mohd Firdaus bin. Mohd Ali selaku kakitangan di Jabatan Alam Sekitar yang telah bertungkus lumus menguruskan temu janji saya dengan pegawai Jabatan Alam Sekitar di Putrajaya.

Ucapan terima kasih juga kepada kedua orang ibu bapa saya yang telah banyak membantu memberi dorongan, sokongan dan bantuan kepada saya terutamanya dari segi kewangan untuk perbelanjaan saya bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk kertas projek ini. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada En. Mohammad Hashif bin Hj. Mohammad Farid sekeluarga kerana secara tidak langsung telah membantu saya untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Saya juga bersyukur kepada Ilahi kerana dapat menyelesaikan kertas projek ini dengan sempurna walaupun ada sedikit masalah dan kesulitan. Segala tunjuk ajar dan juga pengalaman yang saya perolehi semasa proses menyelesaikan kertas projek ini akan saya gunakan sebagai garis panduan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

## ABSTRAK

Kajian ini adalah kajian mengenai kesan pertumbuhan ekonomi terhadap kualiti alam sekitar di Malaysia. Masyarakat kini hanya memikirkan kestabilan ekonomi semata-mata tanpa memikirkan kualiti alam sekitar. Seperti yang diketahui, aktiviti ekonomi seperti perindustrian, pembangunan infrastruktur, pembalakkan dan pertanian sememangnya membantu kepada pertumbuhan ekonomi, akan tetapi ia juga boleh menyebabkan pencemaran seperti pencemaran udara, air, bunyi dan tanah berlaku. Oleh itu, kajian ini mengkaji kesan pertumbuhan ekonomi terhadap kualiti alam sekitar di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk menganalisis faktor-faktor lain yang akan mengakibatkan perubahan kualiti alam sekitar di Malaysia. Dalam kajian ini pembolehubah bersandar adalah kualiti alam sekitar (CO<sub>2</sub>) dan pembolehubah tidak bersandar adalah KDNK semasa, bilangan kenderaan dan jumlah populasi penduduk. Pengujian yang dilakukan untuk mencapai objektif ini adalah pengujian normaliti untuk memastikan ralat bertaburan normal, pengujian statistik t untuk melihat sama ada wujud atau tidak hubungan yang signifikan antara satu pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar dan pengujian statistik F untuk melihat sama ada wujud atau tidak hubungan yang signifikan antara semua pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar secara serentak. Selain daripada itu, dalam kajian ini nilai pekali penentu model regresi berbilang dan juga pengujian Durbin-watson untuk memastikan sama ada wujud atau tidak masalah autokolerasi dalam penganggaran yang telah dibuat juga dilakukan. Hasil kajian bagi pengujian statistik t yang diperolehi adalah hipotesis nol di tolak maka wujud hubungan yang signifikan antara kualiti alam sekitar dengan KDNK semasa, bilangan kenderaan dan juga bilangan populasi penduduk di Malaysia. Hasil kajian untuk pengujian F pula adalah hipotesis nol dapat ditolak maka kesimpulan yang dapat dibuat adalah sekurang-kurangnya satu pembolehubah tidak bersandar adalah sama dengan sifar. Hasil kajian juga mendapati 97% daripada variasi kualiti alam sekitar dapat dijelaskan dengan pembolehubah tidak bersandar iaitu KDNK semasa, bilangan kenderaan dan jumlah populasi penduduk di Malaysia. Oleh itu, jelaslah semua dapatan kajian adalah bertepatan dengan jangkaan hasil kajian yang menunjukkan bahawa wujud hubungan antara kualiti alam sekitar dengan KDNK semasa, bilangan kenderaan dan jumlah populasi di Malaysia.

## THE EFFECT OF ECONOMIC GROWTH ON THE QUALITY OF THE ENVIRONMENT IN MALAYSIA

### ABSTRACT

The objective of this study is to analyze the effect of economic growth on the quality of the environment in Malaysia. Nowadays, societies generally only care about economic stability and ignored the importance of air quality. As we knew, economic activities such as Industrialization, infrastructure development, lumber and agriculture contribute to economic growth but also caused environmental degradation such as air pollution, water pollution, sound and land pollution. Therefore this study was conducted to investigate the effect of economic growth on the environmental quality in Malaysia. In addition this study was conducted is to analyze other factors that effect the environmental quality in Malaysia. In this study the amount carbon dioxide were used as dependent variable while current GDP, number of transportation and population as independent variable. To achieve the objectives of the study, normality test were used to ensure that the error term was normally distributed, t test to see whether there was a significant relationship between dependent and independent variable while F test was used to see significance of the model as a whole. Besides that the Durbin-Watson test were used to see the existence of autocorrelation in the estimation. The t test showed that there was a significant relationship between environment quality with GDP, number of vehicles registered and the population. The result from F test showed that there was a significant relationship between dependent variable with at least with one independent variable. The result also showed that 97% of environment quality variation can be explained by the GDP variable, number of vehicles registered and population. In conclusion the study showed that there was a strong relationship between environment quality and GDP, number of vehicles registered and population in Malaysia.